



MINIT MESYUARAT
JAWATANKUASA KUALITI
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA (JKK UPM)
KALI KE-28 (KHAS)

Tarikh : 14 Julai 2016 (Khamis)
Masa : 2.30 Petang
Tempat : Dewan Taklimat, Aras 2, Blok Menara, Fakulti Kejuruteraan
Universiti Putra Malaysia (UPM)
Kehadiran : **Lampiran A**

| MINIT | AGENDA | TINDAKAN |
|-------|---|---|
| 28.0 | <p>Kata Aluan Pengerusi</p> <p>Pengerusi-</p> <p>(a) memulakan mesyuarat dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan seterusnya merakamkan ucapan terima kasih di atas kehadiran ahli mesyuarat serta wakil yang hadir pada Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Kali Ke-28 (Khas) ini;</p> <p>(b) memaklumkan tujuan mesyuarat ini adalah untuk menyemak persediaan menghadapi Audit Semakan Pemantauan 1 oleh SIRIM yang akan diadakan pada 19 hingga 22 Julai dan 25 hingga 29 Julai 2016 di UPM;</p> <p>(c) mengimbas semula keahlian dan terma rujukan (TOR) Jawatankuasa Kualiti UPM sepertimana pada paparan slaid pembentangan mesyuarat. Mesyuarat bersetuju supaya penambahbaikan dibuat dengan memasukkan elemen pemantauan ke atas laporan pencapaian objektif dan sasaran ISMS ke dalam TOR Jawatankuasa ini;</p> <p>(d) merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak Fakulti Kejuruteraan di atas kebenaran menggunakan lokasi untuk tujuan mesyuarat pada kali ini.</p> | <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> <p>Makluman</p> |

| | | |
|--------------------------|--|---|
| <p>Minit 28.1</p> | <p>Status Penutupan Penemuan Audit</p> <p>28.1.1 Laporan Tindakan Terhadap Penemuan Audit Pensijilan Semula SIRIM QMS Tahun 2015</p> <p>Mesyuarat mengambil maklum dan meneliti laporan tindakan terhadap penemuan Audit Pensijilan Semula SIRIM QMS Tahun 2015 seperti berikut:</p> <p>(a) kesemua lima (5) Laporan Ketakakuran (NCR) telah diambil tindakan. Pelan tindakan beserta bukti pelaksanaan telah dimajukan kepada pihak SIRIM QAS Sdn. Bhd pada 23 September 2015 dan telah dipersetujui dan diterima oleh pihak SIRIM.</p> <p>(b) sebanyak 30 (tiga puluh) Peluang Penambahbaikan (OFI) dikenalpasti untuk diambil tindakan manakala baki lima (5) OFI lagi tidak perlu kepada tindakan tambahan memandangkan cadangan yang dikemukakan adalah merujuk kepada pelaksanaan sediaada di UPM. Daripada jumlah OFI yang perlu diambil tindakan, sebanyak 80% (24/30) telah diambil tindakan manakala baki enam (6) OFI lagi masih belum menerima bukti tindakan daripada Peneraju Proses (PP) dan Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang terlibat. Justeru, mesyuarat memohon supaya PP dan PTJ yang terlibat supaya menghantar bukti yang diperlukan kepada pihak Pusat Jaminan Kualiti selewat-lewatnya pada 15 Julai 2016 bagi membantu kelancaran pelaksanaan Audit SIRIM akan datang.</p> <p>28.1.2 Laporan Penemuan Audit Dalaman QMS Tahun 2016</p> <p>Mesyuarat-</p> <p>(a) meneliti status penutupan Laporan Ketakakuran (NCR) Audit Dalaman QMS Tahun 2016 yang dikemaskini setakat 13 Julai 2016 adalah seperti berikut:</p> | <p>Makluman</p> <p>TWP (SPS, BKU & FPAS)</p> <p>Makluman</p> |
|--------------------------|--|---|

| Kategori | Jumlah NCR | Peratus penutupan (berdasarkan jumlah NCR yang boleh ditutup mengikut tempoh) | Peratus penutupan (berdasarkan jumlah keseluruhan NCR) |
|-----------------------------------|------------|---|--|
| NCR ditutup mengikut tempoh | 55 | 65.5% | 30.7% |
| NCR ditutup melebihi tempoh | 0 | 0.00% | 0.00% |
| NCR belum ditutup melebihi tempoh | 29 | 34.5% | 16.2% |
| NCR belum tutup (pusingan) | 95 | - | 53.1% |
| JUMLAH | 179 | 100% | 100% |

(b) meminta Peneraju/ PTJ yang belum menutup NCR dan melebihi tempoh supaya mengemukakan bukti pelaksanaan tindakan kepada pihak Pusat Jaminan Kualiti selewat-lewatnya pada 15 Julai 2016. Jumlah NCR dan senarai PTJ yang terlibat adalah seperti berikut:

| Bil | PTJ | Jumlah NCR |
|-----|---------------------------|------------|
| 1. | FPAS | 4 |
| 2. | FH | 2 |
| 3. | TPU | 2 |
| 4. | FSPM | 3 |
| 5. | INTROP | 2 |
| 6. | FS | 1 |
| 7. | PPKP | 3 |
| 8. | BHEP | 2 |
| 9. | FEP | 2 |
| 10. | BKU | 2 |
| 11. | Kolej (K15, KMR, K10,KTP) | 4 |
| 12. | Bursar | 1 |
| 13. | PIU | 1 |

TWP PP & TWP PTJ yang berkenaan

| | | |
|-------------------|---|---|
| | <p>(c) mengambil perhatian terhadap beberapa isu berkaitan kaedah penutupan NCR/OFI yang agak kurang jelas. Justeru, mesyuarat meminta supaya semua TWP PP dan TWP PTJ meneliti kembali kaedah penutupan audit yang diedarkan sebelum ini dan mengemukakan maklumbalas kepada pihak Pusat Jaminan Kualiti bagi tujuan penambahbaikan dalam proses penutupan NCR dan OFI pada masa hadapan.</p> <p>(d) bersetuju supaya latihan berkaitan tatacara penutupan NCR/OFI diberikan semula kepada juruaudit dalaman UPM bagi memantapkan proses penutupan penemuan audit pada masa akan datang.</p> | <p>PAD, TWP PP & TWP PTJ</p> <p>PAD</p> |
| Minit 28.2 | <p>Persediaan Audit Pemantauan Semakan 1 SIRIM QMS Tahun 2016</p> <p>Mesyuarat-</p> <p>(a) mengambil maklum berkaitan persediaan Audit Pemantauan Semakan 1 SIRIM QMS Tahun 2016 yang merangkumi perkara-perkara berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> i) Senarai tujuh (7) orang Juruaudit SIRIM yang diketuai oleh Cik Hanida Ghazali; ii) Senarai 29 (dua puluh sembilan) PTJ yang akan diaudit; iii) Ringkasan pergerakan juruaudit; iv) Keperluan dan kesediaan di setiap PTJ; v) Terma rujukan pengiring di PTJ; dan vi) Tanggungjawab auditi. <p>(b) bersetuju urusan tempahan makanan untuk Juruaudit SIRIM sepanjang proses audit dijalankan akan disediakan oleh Pusat Jaminan Kualiti, dan memohon PTJ yang ingin menyediakan makanan memaklumkan kepada Pusat Jaminan Kualiti agar tidak berlaku pembaziran.</p> | <p>Makluman</p> <p>PAD</p> |
| Minit 28.3 | <p>Hal-hal Lain</p> <p>28.3.1 Penambahbaikan Dokumentasi</p> <p>Mesyuarat -</p> <p>(a) mengambil maklum dan meneliti cadangan</p> | <p>Makluman</p> |

| | | |
|--|---|--|
| | <p>pindaan Manual Kualiti Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) MS ISO 9001 seperti mana huraian di Laporan Cadangan Pindaan Dokumen ISO Universiti Putra Malaysia (Agenda 4.1) yang telah dibentangkan semasa mesyuarat.</p> <p>(b) dimaklumkan perubahan ini mengambikira pengguguran entiti Akademi Sukan di bawah skop Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) serta pewujudan Bahagian Kaunseling sebagai entiti baharu di bawah Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) yang merupakan gabungan antara kaunseling staf di bawah Pejabat Pendaftar dan Kaunseling pelajar di bawah Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni).</p> <p>(c) bersetuju meluluskan cadangan pindaan Manual Kualiti Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) MS ISO 9001 untuk dikuatkuasakan pada 18 Julai 2016.</p> <p>28.3.2 Paparan Annex UPM</p> <p>Mesyuarat-</p> <p>(a) mengambil maklum dan meneliti Annex Pensijilan MS ISO 9001:2008 sedia ada dan cadangan pindaannya seperti mana pada Laporan Paparan Annex UPM (Agenda 4.2) yang telah dibentangkan semasa mesyuarat.</p> <p>(b) bersetuju meluluskan cadangan pindaan annex berkenaan dengan sedikit penambahbaikan dan meminta supaya maklumat pindaan ini dikemukakan kepada pihak SIRIM untuk tindakan selanjutnya.</p> <p>28.3.3 Peranan dan Tanggungjawab Timbalan Wakil Pengurusan</p> <p>(a) Mesyuarat mengambil maklum mengenai Peranan dan Tanggungjawab Timbalan Wakil Pengurusan Peneraju Proses (TWP PP) dan Timbalan Wakil Pengurusan Pusat Tanggungjawab (PTJ) sebagaimana dinyatakan bersama-sama surat pelantikan, iaitu:</p> <p><u>TWP PP</u></p> <p>i) memastikan ISO UPM bagi skop yang dipertanggungjawabkan didokumen, dikawal,</p> | <p>Makluman</p> <p>PKD</p> <p>Makluman</p> <p>PKD</p> <p>Makluman</p> |
|--|---|--|

dilaksana dan dipelihara;

- ii) melaksanakan Mesyuarat Semakan Keberkesanan Proses (MSKP) di bawah skop masing-masing bagi membuat penyelarasan tindakan dan maklumat untuk laporan ke Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) ISO UPM;
- iii) menyediakan laporan pencapaian pelaksanaan ISO dan penambahbaikan berterusan serta keberkesanan ISO yang dilaksanakan oleh keseluruhan PTJ di bawah skop masing-masing;
- iv) melaporkan pada Mesyuarat Jawatankuasa ISO (JK ISO) Universiti/Semakan Pengurusan berkenaan dengan pencapaian pelaksanaan ISO dan sebarang peningkatan penambahbaikan berterusan yang diperlukan serta keberkesanan ISO yang dilaksanakan di bawah skop masing-masing;
- v) memastikan kesedaran dalam kalangan staf yang melaksanakan proses terhadap keperluan pelanggan dan ISO di bawah skop masing-masing;
- vi) berurusan dengan pihak luar bagi perkara-perkara yang melibatkan ISO di bawah skop masing-masing; dan
- vii) menjadi ahli pada Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan dan Mesyuarat Jawatankuasa ISO (JK ISO), Universiti Putra Malaysia.

TWP PTJ

- i) memastikan ISO UPM di Pusat Tanggungjawab (PTJ) dilaksana dan dipelihara;
- ii) menyediakan dan menyerahkan laporan pencapaian pelaksanaan ISO dan sebarang peningkatan penambahbaikan berterusan yang diperlukan serta keberkesanan ISO yang dilaksanakan di PTJ masing-masing kepada Timbalan Wakil Pengurusan Peneraju Proses mengikut skop untuk dilaporkan dalam Mesyuarat Semakan Keberkesanan Proses (MSKP)/ Mesyuarat Jawatankuasa ISO (JK ISO);
- iii) melaporkan pada Mesyuarat Pengurusan Pusat Tanggungjawab (PTJ) berkenaan

| | | |
|--------------------------|--|--|
| | <p>dengan pencapaian pelaksanaan ISO dan sebarang peningkatan penambahbaikan berterusan yang diperlukan serta keberkesanan ISO yang dilaksanakan di PTJ masing-masing;</p> <p>iv) memastikan kesedaran dalam kalangan semua staf PTJ masing-masing terhadap keperluan pelanggan dan ISO bagi semua skop pensijilan;</p> <p>v) menjadi ahli pada Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan dan Mesyuarat Jawatankuasa ISO (JK ISO), Universiti Putra Malaysia.</p> <p>(b) Mesyuarat meminta kerjasama semua TWP PP dan TWP PTJ untuk membantu dalam usaha meningkatkan rasa memiliki (<i>sense of belonging</i>) dalam jiwa staf PTJ masing-masing bagi memastikan pelaksanaan Sistem Pengurusan ISO di UPM dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Rentetan daripada itu, mesyuarat menyarankan supaya agenda ISO dimasukkan sebagai salah satu agenda utama bagi Mesyuarat Pengurusan peringkat Peneraju Proses/PTJ.</p> <p>28.3.4 Pengurusan Lean di Universiti Putra Malaysia</p> <p>(a) Mesyuarat mengambil maklum mengenai Pengurusan Lean yang diterajui oleh Pejabat Pendaftar UPM yang merupakan kaedah pengurusan alternatif kepada organisasi dalam menghadapi cabaran dalam menguruskan universiti akibat kekangan sumber seperti kewangan dan sumber manusia.</p> <p>(b) Mesyuarat menyarankan supaya Peneraju Proses dan PTJ menggunakan pendekatan Pengurusan Lean dalam usaha untuk membantu menambahbaik proses kerja di peringkat peneraju/PTJ masing-masing.</p> | <p>TWP PP & TWP PTJ</p> <p>Makluman</p> <p>TWP PP & TWP PTJ</p> |
| <p>Minit 28.4</p> | <p>Penanguhan Mesyuarat</p> <p>Pengerusi mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri dan ucapan selamat maju jaya kepada semua Peneraju Proses dan PTJ di UPM untuk Audit Pemantauan SIRIM Semakan 1 yang akan datang.</p> <p>Mesyuarat ditangguhkan pada jam 4.30 petang dengan bacaan Tasbih Kaffarah dan Surah Al-Asr.</p> | <p>Makluman</p> |

SENARAI KEHADIRAN

Tarikh : **14 Julai 2016 (Khamis)**
Masa : **2.30 petang**
Tempat : **Dewan Taklimat, Aras 2, Blok Menara, Fakulti Kejuruteraan
Universiti Putra Malaysia (UPM)**

Kehadiran

| BIL. | NAMA | JAWATAN/PTJ |
|-------------|--------------------------------------|---|
| 1. | Prof . Dr. M. Iqbal bin Saripan | Pengarah/Pengerusi Mesyuarat |
| 2. | Encik Mohd. Nazri bin Md. Yasin | TWP (PP) Pejabat Naib Canselor |
| 3. | Tuan Haji Rosdi bin Wah | TWP (PP) Pej. TNC (Akademik dan Antarabangsa) (Peneraju QMS dan ISMS) |
| 4. | Encik Shahrman bin Hashim | TWP(PP) Pej. TNC (Penyelidikan dan Inovasi) |
| 5. | Tuan Haji Hashim bin Md. Shari | TWP (PP) Pej. TNC (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) (Peneraju QMS, EMS dan ISMS) |
| 6. | Puan Nor Adida binti Ab Khalid | TWP (PP) Pej. TNC (Jaringan Industri dan Masyarakat) |
| 7. | Encik Amiruddin bin Abd Aziz | TWP(PP) Sekolah Pengajian Siswazah |
| 8. | Tuan Haji Suhaifi bin Sulaiman | TWP (PP) Pusat Asasi Sains Pertanian |
| 9. | Puan Siti Rozana binti Supian | TWP (PP) Pejabat Pendaftar |
| 10. | Encik Ahmad Nizam bin Abdullah | TWP (PP) Pusat Pembangunan Akademik |
| 11. | Encik Rosmi bin Othman | TWP (PP) Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (Peneraju QMS dan ISMS) |
| 12. | Tuan Haji Mohd. Nizan bin Jaafar | TWP (PP) Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset (Peneraju QMS dan EMS) |
| 13. | Encik Wan Mohd. Radzi bin Wan Ismail | TWP (PP) Pusat Islam |
| 14. | Dr. Haji Latif bin Anwar | TWP (PP) Bahagian Keselamatan (Peneraju QMS dan ISMS) |
| 15. | Tuan Haji Mokhtar bin Dahari | TWP (PP) Kolej Sultan Alaeddin Suleiman Shah (Peneraju QMS dan ISMS) |
| 16. | Encik Abd. Razak bin Ahmad | TWP (PP) Penerbit |
| 17. | Puan Noorizajune binti Abu Bakar | TWP (PTJ) Fakulti Pertanian |
| 18. | Encik Mustafa bin Che Ali | TWP (PTJ) Fakulti Perhutanan |
| 19. | Puan Noraihan binti Noordin | TWP (PTJ) Fakulti Kejuruteraan |
| 20. | Puan Fairuz binti Mukhtar | TWP (PTJ) Fakulti Sains |

| BIL. | NAMA | JAWATAN/PTJ |
|-------------|---|--|
| 21. | Puan Zainaf binti Udin | TWP (PTJ) Fakulti Sains dan Teknologi Makanan |
| 22. | Encik Saiful Bahrie bin Abdul Manap | TWP (PTJ) Fakulti Ekologi Manusia |
| 23. | Encik Mohd Nazri bin Noh | TWP (PTJ) Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi |
| 24. | Tuan Haji Ab. Malek bin Simon | TWP (PTJ) Fakulti Rekabentuk dan Senibina |
| 25. | Tuan Haji Mohd. Aris Fadzillah bin Abdullah | TWP (PTJ) Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan |
| 26. | Encik Mohammad Azlan bin Ali Basah | TWP (PTJ) Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat |
| 27. | Encik Sudirman Asmadi (secara v.c.) | TWP (PTJ) Fakulti Sains Pertanian dan Makanan, UPMKB |
| 28. | Encik Mohd Nazri bin Mohd Nor | TWP (PTJ) Institut Penyelidikan Penuaaan Malaysia |
| 29. | Puan Wan Rohani binti Wan Mohamed | TWP (PTJ) Institut Penyelidikan Matematik |
| 30. | Puan Wan Nahariah binti Wan Tahir | TWP (PTJ) Instiut Penyelidikan Produk Halal |
| 31. | Cik Aidawati binti Ramali | TWP (PTJ) Institut Perhutanan Tropika dan Produk Hutan |
| 32. | Encik Zamre bin Yaacob | TWP (PTJ) Institut Pengajian Sains Sosial |
| 33. | Puan Sarah Salwah binti Adnan | TWP (PTJ) Institut Pertanian Tropika |
| 34. | Puan Saliza binti Mustafa | TWP (PTJ) Pusat Antarabangsa |
| 35. | Encik Muhazam bin Mansor | Penyelaras Latihan Staf (PLS) (Peneraju QMS, EMS dan ISMS) |
| 36. | Encik Fahmi Azar bin Mistar | Penyelaras Kepuasan Pelanggan Universiti (PKPU) (Peneraju QMS, EMS dan ISMS) |
| 37. | Puan Shamriza binti Shari | Pegawai Kawalan Dokumen (PKD) |
| 38. | Puan Rozi binti Tamin | Penyelaras Audit (PAD) |
| 39. | Puan Noorizai binti Haji Mohamad Noor | Setiausaha/Pusat Jaminan Kualiti |

Turut Hadir

| BIL. | NAMA | JAWATAN/PTJ |
|-------------|--------------------------------------|---|
| 1. | Puan Mastura binti Abd Rahim | Wakil TWP (PP) Pejabat Bursar (Peneraju QMS, EMS dan ISMS) |
| 2. | Encik Mohd Khairul bin Zainal Abidin | Wakil TWP (PP) Pusat Kebudayaan dan Kesenian SSAAS |
| 3. | Cik Maryam binti Othman | Wakil TWP(PP) Pej. Penasihat Undang-Undang (Peneraju QMS, EMS dan ISMS) |
| 4. | Puan Latifah binti Amir | Wakil TWP (PP) Taman Pertanian Universiti (Peneraju QMS dan EMS) |
| 5. | Puan Morniyati binti Ibrahim | Wakil TWP (PP) Perpustakaan Sultan Abdul Samad (Peneraju QMS dan ISMS) |
| 6. | Encik Asbullah bin Haji Mohd. Yusuf | Wakil TWP (PTJ) Fakulti Pengajian Pendidikan |

| BIL. | NAMA | JAWATAN/PTJ |
|------|---|---|
| 7. | Puan Hirfarizan Mardianah Mohd Tahir | Wakil TWP (PTJ) Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul |
| 8. | Puan Norhaszalina binti Md Isa | Wakil TWP (PTJ) Institut Biosains |
| 9. | Puan Wan Fara Shuhadah binti Wan Mustaffa | Wakil TWP (PTJ) Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan |
| 10. | Puan Nor Afida binti Miskam | Wakil Peneraju EMS - Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan |
| 11. | Puan Noruniza Mahmud | Pejabat Bursar |
| 12. | Puan Azizah Zainal Abidin | Perpustakaan Sultan Abdul Samad |
| 13. | Puan Nurhanisah Sadun | Fakulti Ekologi Manusia |
| 14. | Tuan Haji Mat Razi bin Abdullah | Pusat Jaminan Kualiti |
| 15. | Puan Normuliana binti Abdul Samad | Pusat Jaminan Kualiti |

Tidak hadir (Dengan Kenyataan)

| BIL. | NAMA | JAWATAN |
|------|---|---|
| 1. | Dr. Mohamad Amran bin Mohd. Salleh | TWP EMS/ Fakulti Kejuruteraan |
| 2. | Encik Mohd. Faizal bin Daud | TWP ISMS/ Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi |
| 3. | Puan Rohani binti Abdul Latif | TWP (PP) Pejabat Bendahari (Peneraju QMS, EMS dan ISMS) |
| 4. | Encik Muzaffar Shah bin Kassim | TWP (PP) Perpustakaan Sultan Abdul Samad (Peneraju QMS dan ISMS) |
| 5. | Encik Mohd Zamanu Al-Mohtadi bin Ekhwan | TWP (PP) Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset |
| 6. | Tuan Haji Anuar bin Haji Ahmad | TWP (PP) Pusat Kebudayaan dan Kesenian SSAAS |
| 7. | Encik Roslan bin Parjo | TWP(PP) Pusat Kesihatan Universiti (Peneraju QMS dan ISMS) |
| 8. | Encik Julbakar bin Tajudin | TWP (PP) Fakulti Perubatan Veterinar |
| 9. | Tuan Haji Abdul Ghafar bin Othman | TWP (PP) Taman Pertanian Universiti (Peneraju QMS dan EMS) |
| 10. | Encik Muhamad Adil bin Ahmad Tajuddin | TWP (PP) Pejabat Penasihat Undang-Undang (Peneraju QMS, EMS dan ISMS) |
| 11. | Encik Mustaffa bin Hj. Dollah | TWP(PTJ) Fakulti Ekonomi dan Pengurusan |
| 12. | Puan Shaerin Azlin binti Ab. Rahman | TWP (PTJ) Fakulti Pengajian Pendidikan |
| 13. | Tuan Haji Amran bin Zakaria | TWP (PTJ) Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul |
| 14. | Tuan Haji Mhd. Hussin bin Abdul Rahim | TWP (PTJ) Fakulti Pengajian Alam Sekitar |
| 15. | Tuan Haji Jamsari bin Tamsir | TWP (PTJ) Institut Biosains |
| 16. | Encik Din bin Ayub | TWP (PTJ) Institut Teknologi Maju |
| 17. | Puan Nor Baizura binti Zamri | TWP (PTJ) Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan |

| BIL. | NAMA | JAWATAN |
|-------------|---------------------------------|---|
| 18. | Puan Salmee Suhana binti Hashim | TWP (PTJ) Pusat Pemajuan Kompetensi Bahasa |
| 19. | Dr. Mohd Rafee bin Baharudin | Peneraju EMS - Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan |
| 20. | Puan Rus Azizi binti Ismail | Peneraju EMS - Pejabat Bursar |